

Ekonomi



SEP bantu kerajaan jimat RM600j

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
farahin.hussin@mhimedia.com.my

PETALING JAYA: Program Solar Energy Purchasing (SEP), untuk membangun kerajaan dilihat mampu memberikan kesan positif kepada ekonomi negara kerana berpotensi mencipta kira-kira 140,000 peluang pekerjaan, kontrak projek bernilai lebih RM16 bilion kepada 4,000 syarikat selain membantu kerajaan menjimatkan sehingga RM600 juta bil elektrik setahun.

Sasaran tersebut boleh dicapai sekiranya pihak kerajaan menerapkan pemasangan sistem Solar Fotovoltaiik (PV) dengan jumlah kapasiti 4,116 MWp di semua bangunan kerajaan di seluruh negara.

Ujarnya, ini peluang besar untuk para penyedia perkhidmatan tenaga boleh diperbaharui, syarikat kontraktor, vendor dan konsultan kerana masih banyak bangunan kerajaan yang bakal memasang sistem PV.

"Kerajaan kini sudah mula memahami kebaikan sistem solar dan telah memberi bimbingan kepada syarikat pembekal masangan sistem tenaga boleh diperbaharui itu dalam kalangan agensi kerajaan. Jika dilihat pada serai bangunan ini masa sesuai untuk menawarkan perkhidmatan konsultansi dan pemasangan solar, contohnya sekolah-sekolah dan stadium.

"Ini secara tidak langsung membuka banyak peluang pekerjaan baharu daripada kon-

gunaan tenaga boleh diperbaharui sehingga 20 peratus dalam tempoh tiga tahun lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika muncul sebagai panel webinarnya Solar Energy Purchasing untuk bangunan kerajaan: Potensi, Peluang dan Cabaran anjuran Kementerian Kerja Raya secara maya, semalam.

PROGRAM SOLAR ENERGY PURCHASING (SEP)

- » Mencipta kira-kira 140,000 peluang pekerjaan.
- » Kontrak projek bernilai lebih RM16 bilion kepada 4,000 syarikat.
- » Pemasangan sistem Solar Fotovoltaiik (PV) dengan jumlah kapasiti 4,116 MWp.

Webinar itu turut disertai Timbalan Pengarah Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Ir. Mohd. Zamri Laton dan Pengarah Urusan Gspatrx Sdn. Bhd., Elmie Fatru

bukan banya tertumpu kepada bangunan kerajaan.

"Menerusi Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) 3.0 yang dilancarkan semalam (kelmarin), masing-masing 100MW telah dikhasikan untuk bangunan kerajaan dan domestik, manakala 300MW lagi akan disalurkan kepada bangunan komersial dan perindustrian seperti kilang-kilang yang menggunakan tenaga lebih tinggi.

"Jadi, lebih banyak pemasangan diperitukan menerusi syarikat-syarikat pemasangan sistem solar. Pengusaha boleh mendaftar sebagai syarikat berdaftar di bawah SEDTA kerana sudah tentu banyak peluang kontrak projek akan tumbuh selanjutnya," ujarnya.